

**KEJOHANAN OLAHRAGA TERBUKA POAPS/MILO  
DENGAN KERJASAMA MAJLIS SUKAN NEGERI PERLIS 2020**

**1. PERATURAN PERTANDINGAN**

Kejohanan ini dijalankan mengikut peraturan IAAF dan Kesatuan Olahraga Malaysia. Sekiranya timbul sebarang kekeliruan maka peraturan di dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.

**2. PENYERTAAN**

Pertandingan ini terbuka kepada ahli – ahli gabungan KOM.

**3. YURAN PENYERTAAN**

Acara perseorangan: RM3.00 seorang untuk satu (1) acara

Acara berpasukan : RM5.00 sepasukan untuk satu (1) acara

**4. TARIKH DAN MASA**

21 dan 22 Mac 2020 (7.30 pagi hingga 6 petang)

**5. TEMPAT**

Stadium Tuanku Syed Putra, Kangar, Perlis.

**6. ACARA – ACARA YANG AKAN DIPERTANDINGKAN**

## 6.1 Acara Balapan

<b>Lelaki</b>	<b>Wanita</b>
a. 100m	a. 100m
b. 200m	b. 200m
c. 400m	c. 400m
d. 800m	d. 800m
e. 1500m	e. 1500m
f. 5000m	f. 3000m
g. 10000m Jalan Kaki	g. 5000m Jalan Kaki
h. 110m Lari Berpagar	h. 100m Lari Berpagar
i. 4 x 100m	i. 4 x 100m
j. 4 x 400m	j. 4 x 400m

## 6.2 Acara Padang

<b>Lelaki</b>	<b>Wanita</b>
a. Lompat Tinggi	a. Lompat Tinggi
b. Lompat Jauh	b. Lompat Jauh
c. Lompat Kijang	c. Lompat Kijang
d. Lontar Peluru	d. Lontar Peluru
e. Merejam Lembing	e. Merejam Lembing
f. Lempar Cakera	f. Lempar Cakera
g. Baling Tukul Besi	g. Baling Tukul Besi
h. Lompat Bergalah	

### 6.3 Acara Khas

<b>Lelaki Sekolah Rendah</b>	<b>Perempuan Sekolah Rendah</b>
a. 4 x 100m	a. 4 x 100m
b. 4 x 200m	b. 4 x 200m

## 7. PENYERTAAN

7.1 Acara perseorangan : Semua ahli gabungan dan kelab sukan di benarkan mendaftar atlet untuk acara-acara seperti berikut :

- a) 100 meter-800 meter = 2 orang
- b) 1500 meter ke atas = 3 orang
- c) Acara padang = 2 orang

7.2 Acara lari berganti-ganti: Satu pasukan setiap ahli gabungan/kelab/sekolah

## 8. KATEGORI PENYERTAAN

8.1 Lelaki dan wanita (Acara Balapan dan Padang)

8.2 Murid lelaki dan perempuan Sekolah Rendah (Acara Khas)

## 9. PERMOHONAN MASUK

9.1 Semua permohonan masuk hendaklah dibuat dalam **DUA** (2) salinan dalam Borang Pendaftaran yang disediakan.

9.2 Nama-nama peserta hendaklah diisi dengan penuh menggunakan **HURUF BESAR**.

9.3 Borang Pendaftaran yang tidak lengkap atau yang dihantar lewat tidak akan diterima.

9.4 Semua Borang Pendaftaran yang lengkap hendaklah dihantar kepada:-

**Encik Mohd Asri Bin Othman**

**Pengerusi Pertandingan Kejohanan Olahraga Terbuka POAPs/Milo 2020**

**SMK Syed Hassan, 01000 Kangar, Perlis**

**Tel : 012-4961718**

**E-mel : asba7902@gmail.com**

## 10. TARIKH TUTUP

Tarikh tutup penerimaan Borang Pendaftaran ialah pada **14 Mac 2020**.

## 11. PENGESAHAN KEMASUKAN

Semua kemasukan akan disahkan dalam **MESYUARAT PENGURUS PASUKAN** pada 20 Mac 2020, jam 5.00 petang di Majlis Sukan Negeri Perlis, Kangar, Perlis. **Penyertaan baharu tidak dibenarkan selepas tarikh tutup.**

## 12. PENGGANTI

**12.1** Pengganti yang telah berdaftar dibenarkan mengambil bahagian dalam acara-acara yang telah didaftarkan oleh peserta yang menarik diri.

**12.2** Peserta yang menarik diri dari sesuatu acara dianggap menarik diri dari segala pertandingan dan tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam acara lain.

**12.3** Semua peserta yang mengambil bahagian dalam acara lari berganti-ganti juga hendaklah didaftarkan dalam borang masuk.

**12.4** Penggantian adalah berdasarkan kepada acara dan bukan peserta.

**12.5** Kemasukan baharu untuk perseorangan dan berpasukan tidak dibenarkan.

- 12.6 Nama peserta untuk acara lari berganti - ganti yang tidak didaftarkan tidak boleh digantikan dalam Mesyuarat Pengurus Pasukan.

### 13. SISTEM PERTANDINGAN

- 13.1 Pertandingan bagi acara balapan 100 meter hingga 200 meter akan dijalankan di Peringkat Saringan, Separuh Akhir dan Akhir manakala acara balapan 400 meter akan dijalankan di peringkat Separuh Akhir dan Akhir.
- 13.2 Acara 800 meter ke atas akan dijalankan di peringkat Akhir.
- 13.3 Separuh Akhir – 2 peserta (Pertama dan Kedua) dari setiap separuh akhir dan dua lagi peserta yang mencatat masa terpantas dari ketiga – tiga separuh akhir layak ke peringkat akhir.
- 13.4 Separuh Akhir – 3 peserta (Pertama, Kedua dan Ketiga) dari setiap separuh akhir dan dua lagi peserta yang mencatat masa terpantas layak ke peringkat akhir.

### 14. MASA MELAPORKAN DIRI

- 14.1 Acara balapan: Peserta hendaklah melaporkan diri kepada Ketua Hakim Bilik panggilan 30 minit sebelum sesuatu acara dimulakan.
- 14.2 Acara Padang: Peserta hendaklah melaporkan diri kepada Ketua Hakim Bilik panggilan 45 minit sebelum acara dimulakan.
- 14.3 Semua atlet akan diberitahu jika terdapat pertukaran masa bagi acara-acara dalam jadual permulaan.
- 14.4 Satu **Papan Kenyataan** akan diletakkan dengan masa permulaan acara dan masa untuk melaporkan diri peserta di BILIK PANGGILAN untuk peserta atau wakilnya.

### 15. MENARIK DIRI

- 15.1 Semua peserta yang melayakkan diri ke pusingan berikutnya tidak boleh menarik diri daripadanya.
- 15.2 Jika berlaku, peserta itu akan disingkirkan daripada pertandingan, kecuali dengan kebenaran Referi atau Doktor Kejohanan atas sebab kecederaan.

### 16. KENAIKAN PALANG

- 16.1 Lompat Tinggi (Lelaki) – Ketinggian akan di tetapkan pada 1.40 meter untuk latihan manakala untuk pertandingan ialah 1.50 meter dan seterusnya naik tidak kurang daripada 2cm.
- 16.2 Lompat Tinggi (Wanita) – Ketinggian palang akan ditetapkan pada 1.20 meter untuk latihan, manakala untuk pertandingan ialah 1.30 meter dan seterusnya dinaikkan tidak kurang daripada 2cm.

### 17. HADIAH DAN UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH

- 17.1 Tempat pertama hingga ketiga untuk acara perseorangan dan berpasukan akan dihadiahkan:
- |                |                 |
|----------------|-----------------|
| Tempat Pertama | : Pingat Emas   |
| Tempat Kedua   | : Pingat Perak  |
| Tempat Ketiga  | : Pingat Gangsa |
- 17.2 Tempat pertama hingga ketiga untuk acara khas akan dihadiahkan seperti berikut:
- |                |                 |
|----------------|-----------------|
| Tempat Pertama | : Pingat Emas   |
| Tempat Kedua   | : Pingat Perak  |
| Tempat Ketiga  | : Pingat Gangsa |
- 17.3 Upacara penyampaian hadiah akan diadakan selepas acara tersebut. Atlet yang menerima hadiah mesti berpakaian sesuai dan berkasut dan melapor kepada Penyelia Hadiah semasa dipanggil.

## **18. BANTAHAN**

Sebarang bantahan sesuatu keputusan harus dilapor kepada Referi berkenaan secara lisan oleh peserta atau wakilnya selepas selesai acaranya. Referi berkenaan akan menyiasat dan memberikan keputusan. Jika masih tidak berpuas hati, bantahan seterusnya dibuat secara bertulis dan dikemukakan kepada Jemaah Juri Rayuan dengan wang pertaruhan RM200.00, tidak melebihi 30 minit selepas pengumuman rasmi acara tersebut. Jika bantahan tersebut didapati tidak munasabah, wang tersebut tidak akan dipulangkan. **Keputusan Jemaah Juri Rayuan mengenai sesuatu bantahan adalah muktamad.**

## **19. KEMALANGAN / KECEDERAAN**

Jawatankuasa Pengelola akan mengambil langkah keselamatan untuk mengelakkan sebarang kemalangan. Bagaimanapun, Jawatankuasa ini tidak akan bertanggungjawab terhadap kemalangan dan kecederaan atlet semasa kejohanan ini.

## **20. MASA ELEKTRONIK**

Masa elektronik akan diusahakan untuk digunakan semasa pertandingan.

## **21. PERKARA – PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN**

Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tersedia dalam peraturan ini atau peraturan KOM dan keputusan Jawatankuasa Pengelola adalah muktamad.